

**Naib presiden MCA saksi perebutan 7 penjur  
Malaysiakini.com  
Sept 26, 2008**

Pertandingan bagi jawatan naib presiden MCA bulan depan bakal menyaksikan perebutan tujuh penjur apabila Datuk Yap Pian Hon turut menawarkan diri hari ini.

Enam lagi calon naib presiden ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha; Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai yang juga ketua Pemuda; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Ng Yen Yen; Exco Negeri Johor Datuk Tan Kok Hon dan Datuk Seri Dr Fong Chan Onn yang akan mempertahankan jawatan tersebut.

yap pian honIni merupakan cubaan ketiga Yap - yang merupakan bekas naib presiden dan ahli veteran parti MCA.

Beliau pernah menyanggah jawatan naib presiden selama tiga penggal sejak 1990-1999.

Bagaimanapun, selepas itu Yap gagal dalam percubaannya untuk mempertahankan jawatan tersebut dalam pemilihan parti pada 1999 dan 2005.

"Saya telah melalui banyak cabaran dalam kerjaya politik saya dan semua ini saya anggap sebagai satu aset," katanya dalam satu kenyataan, demikian menurut Bernama.

"Bukannya sesuatu yang mudah untuk mengundurkan diri walau macam mana susahny ia.

"Justeru, saya memutuskan untuk menawarkan diri saya sekali lagi sebagai calon jawatan naib presiden," katanya.

Yap, yang juga bekas Ketua Pemuda MCA dan Exco Kerajaan Negeri Selangor, sering kali digelar "kucing punya sembilan nyawa" berikutan kegigihannya dalam dunia politik.

Beliau juga pernah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semasa Operasi Lalang pada 1987.

Walaupun dipilih sebanyak tiga kali sebagai naib presiden, Yap tidak pernah disenaraikan memegang jawatan menteri atau timbalan menteri, tidak seperti beberapa naib presiden yang lain, yang ditawarkan jawatan dalam kerajaan.